

jurnal intelelek

JULAI - DISEMBER 2003 • Bil. 1



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
PERLIS

JURNAL INTELEK 2003

(Edisi 1 • Julai - Disember)

Diterbitkan Oleh :

**Universiti Teknologi Mara
Cawangan Perlis
Kampus Arau
02000 Arau, Perlis.**

© Hakcipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian, artikel, ilustrasi, isi kandungan prosiding ini dalam apa-apa juga bentuk dan dengan apa cara pun samada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada penerbit

JURNAL INTELEK • 2003

Bil. 1 • Julai - Disember 2003

A) KERTAS KONSEP

mukasurat

- | | |
|---|----|
| i) Pengenalan Kepada Pembelajaran Kooperatif.
- <i>Azizah Mat Isa, Sarina Muhamad Nor, Sharipah Isa</i> | 1 |
| ii) Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9000 : Satu Tinjauan Awal.
- <i>Azizan Kassim</i> | 8 |
| iii) Konsep Pendidikan Islam.
- <i>Ahmad Sabri Osman</i> | 22 |
| iv) Falsafah Ekonomi Islam : Satu Pengenalan.
- <i>Basri Abd Ghani</i> | 39 |
| v) Pengaruh Nilai Guru Di Dalam Pelaksanaan Pengetahuan
Isi Kandungan Pedagogi Di Bilik Darjah.
- <i>Naginder Kaur a/p Surjit Singh</i> | 46 |

B) JURNAL PENYELIDIKAN

- | | |
|---|----|
| i) Pemodelan Teori Kabur Dalam Penilaian Prestasi
Kakitangan Akademik, UiTM Kampus Arau.
- <i>Mahmood Othman, Nadzri Mohamad</i> | 54 |
| ii) An Empirical Study Of Input Methods Deployed
During Treatment Session In A Clinical System.
- <i>Fakhrul Hazman Yusof, Norlis Othman, Abidah Hj. Mat Taib</i> | 65 |
| iii) Tracing Malay Learners' Variations In Learning Strategies.
<i>Mohamad Fadhli Yahaya</i> | 74 |
| iv) Penentuan Paras Fosfat Terlarut (PO4 -P)
Di Tasik Timah Tasoh, Perlis.
- <i>Hasnun Nita Hj. Ismail</i> | 86 |


JURNAL INTELEK • 2003

Bil. 1 • Julai - Disember 2003

B) JURNAL PENYELIDIKAN

mukasurat

- | | | |
|-------|--|-----|
| v) | A Study On Electroplating.
- <i>Saidatulakmar Shamsuddin</i> | 94 |
| vi) | "RIM" Classification For Prediction Of SinkholeTragedy In
Limestone Areas.
- <i>Roslan Zainal Abidin, Damanhuri Jamalludin,
Mohd Fadzil Arshad, Mukhlis Noordin</i> | 104 |
| vii) | Penghasilan Suatu Sistem Pencerap Suhu Berautomasi.
- <i>Hamidi A. Hamid, Nor Arzami Othman, Mahadzir Hj. Din</i> | 113 |
| viii) | A Preliminary Study of the Water Quality Status along
Sungai Mada, Kodiang, Kedah to the Sungai Baru
estuary, Perlis.
- <i>Faridah Hanum Hj. Badrun, Zailuddin Ariffin,
Baharuddin Salleh</i> | 122 |
| ix) | Rangsangan Pembelajaran Terhadap Prestasi Akademik
Pelajar Di UiTM Kampus Arau.
- <i>Hamidah Jaafar Sidek</i> | 127 |
| x) | A Marketing Survey And A Perception Study Of Customers'
Acceptance And Interest On Vehicle Tracking System (VTS)
In Klang Valley.
- <i>Shamshul Anaz Kassim</i> | 142 |
| xi) | Kesan Pemakanan Terhadap Tumbesaran
Dan Pengeluaran Telur ayam Katik, <i>Gallus sp.</i>
- <i>Mohd Azlan Mohd Ishak, Said Hamid,
Baharuddin Salleh, Abd. Rahman Sabot</i> | 158 |
| xii) | A Case Study On The Performance Of Bachelor Of
Accountancy (Hons)
Students Of UiTM Kampus Arau.
- <i>Normah Ahmad, Roselina Amiruldin,
Wan Madihah Wan Zakiuddin, Azura Mohd Noor</i> | 164 |
| xiii) | Lampiran – Prosiding Jurnal Intelek | 170 |



Kata-Kata Aluan

PENGARAH KAMPUS UiTM PERLIS

Syukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana UiTM Perlis telah berjaya menerbitkan Jurnal Intelek yang merupakan dokumentasi hasil kerja-kerja penyelidikan yang telah dijalankan di kampus ini. Tidak syak lagi berdasarkan penulisan yang dihasilkan, UiTM Perlis mampu menjalankan banyak kerja-kerja penyelidikan untuk manfaat bersama.

Penerbitan jurnal ini juga diharapkan dapat menyemarakkan lagi budaya penyelidikan dan penulisan di kalangan kakitangan akademik UiTM Perlis.


Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada pensyarah-pensyarah yang menyumbangkan penulisan untuk jurnal ini.

Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada Unit Penyelidikan dan Perundingan UiTM Perlis di atas daya usaha menerbitkan jurnal ini. Semoga jurnal ini akan menjadi sumber rujukan sesuai dengan peranan UiTM Perlis sebagai pusat ilmu di utara semenanjung ini.

Sekian, terima kasih.

PROF MADYA DR. AHMAD REDZUAN ABD RAHMAN

Pengarah Kampus
UiTM Perlis



Kata-Kata Aluan

KETUA UNIT PENYELIDIKAN DAN PERUNDINGAN (UPP) UiTM PERLIS

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia-Nya dapatlah saya mencatatkan sepatah dua kata di dalam Jurnal Intelek, UiTM Perlis.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Pengarah Kampus UiTM Perlis iaitu Prof. Madya Dr. Ahmad Redzuan Abd Rahman, para pengurusan kanan, AJK-AJK UPP terutamanya para AJK Unit Penulisan dan Penerbitan kerana dengan inisiatif yang tidak berbelah bahagi, maka UPP dapat menghasilkan Jurnal Intelek yang dinanti-nantikan.

Justeru, dengan adanya kelahiran Jurnal Intelek ini hatta para pensyarah dapat sama-sama berkongsi idea dan maklumat bagi menyemarakkan lagi budaya ilmu, perundingan, penyelidikan, penulisan dan seminar.

Maka dengan adanya Jurnal Intelek ini akan dapat membekal, menyediakan pengetahuan, kemahiran, nilai dan sikap yang sesuai dengan kehendak perkembangan dunia ICT dan negara.

Akhir kata, saya berharap para pensyarah dapat menyemai idea-idea yang bernas dan berguna untuk membimbing masyarakat dan pembangunan negara.

Sekian. Salam hormat.

PROF. MADYA DR. MAHAZIR HJ. DIN
Ketua Unit Penyelidikan & Perundingan
UiTM Perlis

**UNIT PENYELIDIKAN DAN PERUNDINGAN (UPP)
UiTM PERLIS**

SIDANG REDAKSI BIL 1/2003

Penaung

Prof. Madya Dr. Ahmad Redzuan Abd Rahman
- Pengarah Kampus, UiTM Perlis

Ketua Unit Penulisan dan Penerbitan (UPP)

Prof. Madya Dr. Mahadzir Hj. Din

AJK Unit Penulisan dan Penerbitan (UPP)

Fakhrul Hazman Yusof (Ketua)
Shamshul Anaz Kassim
Fazmawati Zakaria
Zahrullaili Ahmad Zakaria

Penyunting

Fakhrul Hazman Yusof
Shamshul Anaz Kassim
Fazmawati Zakaria

Penolong Penyunting

Hilwani Hariri
Jasmani Bidin
Muhamad Abd Razak
Nor Arzami Othman
Rudzah Lebai Talib
Sarina Muhamad Noor
Yazid Mohd Esa
Azizan Kassim

UNIT PENYELIDIKAN DAN PERUNDINGAN (UPP)
UiTM PERLIS

JAWATANKUASA INDUK UPP BIL 1/2003

Prof. Madya Dr. Ahmad Redzuan Abd. Rahman (Pengarah Kampus

Prof. Madya Dr. Mahadzir Hj. Din (Ketua UPP)

Prof. Madya Dr. Qamaruzaman Hj. Wan Yusof (TP HEA)

Prof. Madya Dr. Hamidi Abd. Hamid (TP HEP)

Prof Madya Alias Ramli

Prof. Madya Dr. Mat Saad Abdullah

AHLI JAWATANKUASA UPP BIL 1/2003

Ust. Abd Aziz Harjin

Azizan Kassim

Bahijah Md Hashim

Fakhrul Hazaman Yusof

Fazmawati Zakaria

Hilwani Hariri

Jasmani Bidin

Khairul Anuar Sedek

Muhamad Abd Razak

Nordin Muhamad

Nor Arzami Othman

Rudzah Lebai Talib

Sarina Muhamad Noor

Shamshul Anaz Kassim

Shahrizal Hasan

Yazid Mohd Esa

Zailuddin Ariffin

Hjh. Azmahton Dato' Hj. Seroji



PENGENALAN KEPADA PEMBELAJARAN KOOPERATIF

Azizah Mat Isa
Sarina Muhamad Noor
Sharipah Isa

Abstrak

Tujuan kertas kerja ini adalah untuk memberi pendedahan awal kepada pembaca berkaitan dengan pembelajaran kooperatif. Pembelajaran kooperatif merupakan kaedah sosial yang melibatkan pelajar bekerjasama untuk belajar dalam usaha mencapai matlamat pembelajaran dan meningkatkan pencapaian akademik mereka. Ianya berbeza daripada kaedah pengajaran tradisional dan cuba mengatasi kelemahan yang wujud dalam pengajaran secara tradisional. Terdapat banyak kaedah pembelajaran kooperatif yang boleh dilaksanakan di dalam bilik darjah dan jika kaedah-kaedah tersebut distrukturkan sedemikian rupa dengan mengambil kira elemen-elemen penting yang perlu ada, ianya mampu menghasilkan kesan-kesan positif sosial dan lain-lain hasil bukan kognitif.

PENGENALAN

Cabaran masa kini memerlukan pendidik menilai kembali tentang proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) yang dikendalikan di bilik darjah. Mereka harus memikirkan kaedah P & P yang dapat memaksimumkan proses pembelajaran pelajar terutamanya untuk mengujikan pembelajaran yang bermakna. Menurut Porter dan Brophy, 1988 (dipetik dari Tang dll 2001), seseorang pendidik harus berperanan sebagai fasilitator, penyelesaian masalah, pemangkin dan pendorong pembelajaran untuk menjadikan pengajaran itu berkesan. Sehubungan dengan itu, salah satu kaedah yang sesuai digunapakai di dalam bilik darjah ialah kaedah pembelajaran kooperatif. Ianya berbeza daripada pembelajaran tradisional kerana pengajaran tradisional merupakan pengajaran yang tidak produktif dan menggalakkan sikap individualistik dan persaingan yang akan menguntungkan pelajar-pelajar cemerlang sahaja. (Johnson dan Johnson, 1994; Erikson, 1984; Lazarowitz, 1995 dipetik dari Tang dll 2001).

Pembelajaran kooperatif merupakan salah satu dari empat keluarga didalam model-model pengajaran keluarga sosial (The social family). Model-model pengajaran keluarga sosial mengadunikan keyakinan mengenai pembelajaran dan keyakinan mengenai masyarakat. Adalah dipercayai tingkahlaku kooperatif merupakan pendorong atau motivasi secara sosial dan bijaksana di mana tugas-tugasnya memerlukan interaksi sosial dalam pembelajaran. Interaksi sosial juga boleh meningkatkan keupayaan, kemahiran dan pemikiran sosial. Masyarakat pula yakin bahawa peranan pusat pendidikan adalah menyediakan masyarakat ke arah mengekalkan susunan sosial yang demokratik. Kombinasi kedua-dua keyakinan ini telah menghasilkan perkembangan model-model yang mempunyai potensi besar kepada persediaan bahan-bahan dan kaedah pengajaran.

Kebanyakan ahli-ahli teori sosial bukan sahaja membina rasional kepada model-model mereka tetapi juga telah membangkitkan banyak persoalan-persoalan yang penting mengenai kecukupan rekabentuk persekolahan dominan semasa. Di kebanyakan sekolah, majoriti tugasan pembelajaran distrukturkan oleh pendidik. Kebanyakan interaksi antara pendidik dan pelajar adalah dalam bentuk resitasi (recitation), di mana pendidik akan memberi soalan berkaitan apa yang telah dipelajari atau dibaca, kemudian pendidik tersebut akan memanggil individu untuk mendapatkan jawapan dan akhirnya mengesahkan jawapan atau membetulkannya (Sirotnik, 1983).

Penyelidikan Johnson & Johnson (1974) mendapati bahawa pengalaman pembelajaran kooperatif menggalakkan pencapaian akademik yang lebih tinggi berbanding pengalaman pembelajaran secara individu. Bersesuaian dengan sistem pendidikan masa kini yang mementingkan pembelajaran secara aktif, maka strategi pemusatan pelajar seperti kaedah pembelajaran kooperatif ini adalah amat perlu di tekankan. Disamping itu, dapatan Doise dan Mugny (1978) juga telah menyokong pendapat tersebut dan mendapati bahawa tindakan sosial sememangnya menyebabkan perkembangan kognitif yang lebih maju

Hasil-hasilan ini telah menimbulkan minat kepada para penyelidik untuk memperbaharui penyelidikan ke atas model-model pembelajaran kooperatif. Tatacara penyelidikan yang sofistikated oleh tiga kumpulan penyelidik iaitu Johnson & Johnson (1974, 1981), Robert Slavin (1983) dan Sharan of Israel (1980) telah memberi kesan kepada keseluruhan model keluarga ini.

Johnson dan Slavin telah mengkaji samada tugas kooperatif dan struktur ganjaran memberi kesan secara positif kepada hasil pembelajaran. Mereka telah mempersoalkan samada kesepaduan kumpulan, tingkahlaku kooperatif dan hubungan antara kumpulan semakin baik dengan tatacara pembelajaran kooperatif. Di dalam beberapa kajian lain, mereka juga telah mengkaji kesan-kesan tugas kooperatif dan struktur ganjaran ke atas tugas pembelajaran tradisional.

Dapatan kajian mereka menunjukkan susunan bilik darjah yang membolehkan pelajar bekerja secara berpasangan dan berkumpul disamping membimbing antara satu sama lain dan berkongsi ganjaran digambarkan dapat menguasai bahan pelajaran lebih baik berbanding dengan belajar secara individu. Tambahan pula, perkongsian tanggungjawab dan interaksi adalah lebih bersifat positif ke arah tugas, di mana ia menghasilkan hubungan antara kumpulan dan berupaya memperbaiki imej diri pelajar yang berprestasi yang rendah.

Keputusan ini umumnya mengesahkan andaian-andaian bahawa wujudnya keyakinan pembelajaran dan keyakinan sosial. Kumpulan Sharan pula bukan sahaja telah mengesahkan keputusan kumpulan Johnson dan Slavin tetapi juga mendapati bahawa apabila lebih kerap model-model itu dilaksanakan dan lebih banyak usaha-usaha kooperatif menggantikan resitasi sehalu dalam pembelajaran individu, maka keputusannya juga didapati lebih positif. Mereka juga telah menunjukkan yang pembelajaran kooperatif adalah sesuai untuk pelbagai objektif pembelajaran yang lebih luas.

MODUS OPERANDI

Slavin (1990) mendefinikan pembelajaran kooperatif sebagai satu pendekatan pengajaran yang bersistematik dan berstruktur di mana pelajar bekerjasama dalam kumpulan kecil untuk mencapai sesuatu matlamat. Oleh itu, pembelajaran kooperatif adalah suatu kaedah pengajaran dan pembelajaran di mana sekumpulan pelajar (4 hingga 6 orang) yang heterogen bekerjasama untuk belajar dan masing-masing bertanggungjawab terhadap pembelajaran dirinya dan rakan-rakan dalam kumpulan. Peranan pelajar dalam pembelajaran kooperatif adalah belajar untuk mencapai sasaran dan matlamat kumpulan. Mereka perlu mengadakan perbincangan mengenai masalah yang dihadapi dan saling bantu membantu mencari jalan penyelesaiannya manakala peranan guru pula adalah sebagai fasilitator dan 'role model' kepada pelajar. Guru tidak lagi dianggap sebagai autoriti di dalam menyampaikan pengetahuan kepada pelajar dan pelajar pula bukan hanya sebagai penerima maklumat sahaja. Sebaliknya setiap pelajar merupakan sumber pengetahuan penting untuk dirinya sendiri dan orang lain.

KAEDAH-KAEDAH PEMBELAJARAN KOOPERATIF

Terdapat pelbagai kaedah pembelajaran kooperatif yang boleh dilaksanakan di dalam aktiviti-aktiviti bilik darjah. Salah satu daripadanya ialah kaedah STAD (Students' teams achievement divisions). Di dalam kaedah ini, pendidik akan mengajar kepada keseluruhan pelajar dan diikuti dengan perbincangan dalam kumpulan oleh para pelajar. Setelah selesai perbincangan, pelajar akan dikehendaki menduduki kuiz secara individu. Markah dan ganjaran akan diberikan kepada kumpulan berdasarkan pencapaian kesemua ahli dalam kumpulan.

Selain daripada kaedah STAD, satu lagi kaedah yang popular ialah JIGSAW. Untuk melaksanakan kaedah ini, pendidik akan mengajar kepada keseluruhan pelajar dan kemudian setiap pelajar di dalam kumpulan masing-masing akan diberi topik khusus untuk dipelajari. Pelajar-pelajar ini kemudiannya akan dikumpulkan mengikut topik yang telah dipertanggungjawabkan kepada mereka dan mereka dikenali sebagai kumpulan pakar. Pakar-pakar ini akan berbincang sesama mereka berkaitan dengan topik yang diberi. Kemudian kumpulan pakar akan kembali ke kumpulan asal mereka untuk mengajar ahli-ahli kumpulan berkaitan topik yang telah mereka bincangkan di dalam kumpulan pakar tadi. Setiap ahli kumpulan akan menjadi pakar dalam topik masing-masing dan akan mengambil giliran mengajar satu sama lain. Selepas itu, setiap pelajar akan menduduki kuiz secara individu berkaitan keseluruhan bab yang dipelajari.

Selain daripada dua kaedah tadi, terdapat juga kaedah-kaedah yang lain seperti TGT (Teams - games - tournaments), TAI (Teams - assisted individualization) dan CIRC (Cooperative integrated reading and composition).

ELEMEN-ELEMEN ASAS DI DALAM PEMBELAJARAN KOOPERATIF

Pembelajaran kooperatif telah dilaksanakan secara meluas di dalam bilik darjah. Kepopularan pelaksanaan tersebut adalah kerana terdapat banyak kajian-kajian yang menyokong keberkesannya di dalam situasi silang budaya dan pelbagai matapelajaran.

Walau bagaimanapun, majoriti guru-guru yang melaksanakan pendekatan tersebut adakalanya telah tertumpu kepada konsep pembelajaran kumpulan secara kooperatif, bukannya pembelajaran kooperatif. Apabila sekumpulan pelajar, misalannya, sedang menyelesaikan sesuatu permasalahan, ia tidak bermakna mereka sedang bergerak secara pembelajaran kooperatif. Ini adalah kerana ahli-ahli kumpulan tersebut bukan belajar untuk diri mereka dan ahli kumpulan yang lain. Mereka bukan belajar untuk memastikan ahli-ahli kumpulan mereka juga memahami pelajaran tersebut. Mengikut Slavin (1990), pembelajaran 'kooperatif' berbeza dengan pembelajaran dalam kumpulan yang lain kerana ia menekankan sukses di dalam pembelajaran untuk setiap ahli di dalam kumpulan.

Memandangkan budaya masyarakat secara amnya berpendapat bahawa mereka yang perlukan bantuan dianggap lemah, maka guru perlu mengubah nilai-nilai di dalam bilik darjah. Dua nilai yang perlu ditonjolkan oleh guru ialah

- (i) setiap individu mempunyai kelebihan yang tertentu dan boleh membantu rakan-rakan yang lain dan
- (ii) setiap individu berhak dan boleh memanfaatkan bantuan serta sokongan daripada rakan yang lain.

Selain daripada itu, untuk memastikan sesuatu pembelajaran itu bersifat kooperatif, beberapa elemen asas perlu diberi perhatian. Di antara elemen-elemen tersebut ialah seperti berikut.

a) Objektif yang jelas terhadap hasil pembelajaran

Pembelajaran kooperatif merupakan satu laluan untuk mencapai matlamat pembelajaran. Oleh itu, guru perlu menyatakan dengan jelas apakah objektif pembelajaran sesuatu topik. Pelajar perlu mengetahui apa yang mereka perlu tahu, dan ianya perlu menjangkau kurikulum. Ini menggambarkan bahawa pembelajaran bukanlah sesuatu yang terhad di dalam bilik darjah sahaja.

b) Pelajar bersetuju terhadap sesuatu matlamat yang ditetapkan

Adalah tidak wajar sekiranya matlamat ditetapkan oleh guru dan mengarahkan pelajar menerima sahaja matlamat tersebut. Matlamat yang ditetapkan perlu diterima oleh semua pelajar. Ini adalah selaras dengan teori "goal-setting". Apabila seseorang pelajar itu bersetuju terhadap sesuatu matlamat, mereka akan lebih komited dan bekerjasama di dalam mencapai matlamat tersebut. Maka akan wujudlah satu matlamat pembelajaran yang akan dikongsi bersama di mana kumpulan akan mendapat penghargaan di atas usaha mereka.

c) Kumpulan yang heterogeneous

Setiap kumpulan kooperatif terdiri daripada empat hingga enam orang yang mempunyai perbezaan di dalam pencapaian, latar belakang, jantina dan ras. Pelajar tidak dibenarkan membentuk kumpulan berdasarkan persahabatan atau klik-klik (cliques). Apabila kumpulan berbentuk heterogeneous, setiap ahli dapat melihat sesuatu topik melalui pelbagai perspektif disamping dapat mendalami pelbagai budaya dan latarbelakang.

d) Kesaksamaan peluang untuk berjaya

Setiap pelajar perlu yakin bahawa mereka mempunyai peluang dan berkebolehan untuk belajar di samping berpeluang untuk mendapat penghargaan secara berkumpulan. Setiap ahli kumpulan perlu belajar bersama-sama dan memastikan setiap ahli boleh berjaya.

e) Persandaran yang positif

Pendidik perlu membentuk konsep di mana pelajar yakin bahawa mereka boleh berjaya atau gagal bersama-sama. Secara asasnya, setiap tugas dibentuk dan distrukturkan di mana setiap ahli bergantung di antara satu sama lain untuk menyiapkan sesuatu tugas. Pelajar perlu faham bahawa setiap individu di dalam kumpulan perlu menguasai sesuatu topik yang dibincangkan. Ini bererti, setiap individu itu perlu :

- a. mempelajari sesuatu bahan yang diagihkan dan
- b. memastikan setiap ahli kumpulannya dapat belajar bahan yang dipelajari oleh individu berkenaan.

Dengan itu, persandaran yang positif menggalakkan pelajar melihat peranan mereka yang menguntungkan kumpulan dan peranan kumpulan yang akan juga menguntungkan mereka.

f) Interaksi bersifat bersemuka

Interaksi sesama ahli perlu berbentuk bersemuka di mana pelajar perlu mengujudkan interaksi secara bertentang mata (eye-contact). Ini adalah untuk memastikan komunikasi lebih berkesan dan setiap ahli kumpulan dapat membantu di antara satu sama lain untuk memperolehi sesuatu maklumat. Di samping itu dengan berinteraksi sebegini, pelajar dapat memproses maklumat dengan lebih berkesan, berupaya menyalurkan pendapat dan menggalakkan ahli-ahli kumpulan berfikir secara lebih kreatif dan kritis.

g) Peluang mendapat bahan yang hendak dipelajari

Pendidik perlu menstrukturkan tugas bagi membolehkan setiap pelajar mempunyai peluang mendapatkan bahan untuk dipelajari. Sumber yang dicadangkan atau diberikan perlulah selaras dengan objektif pengajaran dan pembelajaran

h) Akauntabiliti individu

Vygotsky (1962, dipetik dari Slavin,1990) menyatakan "*what children can do together today, they can do alone tomorrow*"

Salah satu sebab mengapa guru menggunakan pembelajaran koperatif adalah supaya setiap pelajar boleh mencapai kejayaan di dalam pembelajaran. Oleh kerana di dalam pembelajaran kooperatif setiap individu perlu memastikan mereka benar-benar faham tentang topik tersebut untuk dikongsi bersama di dalam kumpulan masing-masing, mereka mempunyai tanggungjawab dan dipertanggungjawabkan ke atas kejayaan sesuatu kumpulan.

Adalah penting bagi kumpulan untuk mengenalpasti ahli-ahlinya yang perlukan bantuan atau sokongan dalam menyiapkan sesuatu tugas. Sekiranya ahli-ahli kumpulan tidak tahu sumbangan mereka, ataupun sumbangan mereka sama sahaja di antara satu sama lain akibat pertindihan tugas, ataupun apabila ahli-ahli kumpulan tidak bertanggungjawab terhadap hasil akhir sesuatu kumpulan, maka akan wujudlah penumpang (rider) di dalam sesuatu kumpulan. Oleh itu, guru perlu memastikan setiap individu di dalam kumpulan bertanggungjawab ke atas bahan yang perlu dipelajari. Salah satu cara untuk memastikan tidak wujud penumpang di dalam kumpulan ialah dengan menggalakkan pelajar mengajar topik yang dibacanya kepada rakan kumpulan yang lain. Pada masa yang sama, guru perlu memantau proses tersebut.

Apabila pendidik memantau proses pembelajaran yang dilakukan oleh sesuatu kumpulan, ia memberi ruang kepada pendidik mengenalpasti samada topik atau bahan yang dipelajari itu dikuasai dengan betul ataupun tidak. Satu ciri yang penting di dalam pemprosesan kumpulan ialah penghargaan yang diberikan. Penghargaan dapat menimbulkan rasa gembira dan mengujudkan komitmen untuk belajar disamping mengukuhkan sifat sendiri pelajar.

KELEBIHAN YANG DAPAT DIPEROLEHI DARIPADA PEMBELAJARAN KOOPERATIF

Terdapat banyak kelebihan yang boleh diperolehi dengan melaksanakan pembelajaran kooperatif di dalam bilik darjah. Di antara kelebihan-kelebihan itu adalah ia dapat memupuk sikap bekerjasama, altruistik dan saling faham memahami di antara satu sama lain. Hasil yang diharapkan daripada pengalaman pembelajaran kooperatif di sekolah ialah pelajar menjadi lebih bekerjasama serta mengambilkira kepentingan orang lain. Ukuran yang digunakan untuk mengukur sikap-sikap tersebut adalah satu alat pilihan harian oleh Kogan dan Madsen (1992). Melalui alat ukur tersebut, pelajar diperuntukkan ganjaran pilihan yang dihadapi oleh pelajar samada untuk memberi rakan sekumpulan ganjaran yang sama atau lebih daripada pelajar itu sendiri.

Johnson, Johnson dan Anderson (1976, dipetik dari Slavin 1990) mendapati pelajar yang pernah bekerjasama secara kooperatif adalah lebih berkebolehan untuk mengenalpasti perasaan orang lain berbanding pelajar yang bekerja secara individu.

Bridgeman (1977) pula mendapati bahawa pelajar yang pernah berkerja secara kooperatif dengan kaedah "jigsaw" dapat melihat atau memikirkan kepentingan orang lain dengan lebih baik berbanding pelajar yang dikawal. Lazarouit, Sharan dan Steinberg (1980) juga menunjukkan bahawa pelajar yang mengalami "group investigation" menjadi lebih mengambilkira kepentingan orang lain berbanding pelajar yang dikawal. Mereka mendapati apabila pelajar yang biasa bekerja di dalam kumpulan kooperatif ditugaskan kepada kumpulan yang baru, mereka mampu bekerjasama dengan baik dan berupaya mendapatkan produktiviti yang tinggi berbanding dengan kumpulan kawalan. Komponen terpenting di sini ialah kebolehan bekerjasama yang mana ia merupakan kebolehan saling memahami antara satu sama lain.

Di samping itu, dengan mempraktikkan pembelajaran kooperatif ia dapat memupuk semangat muhibah di kalangan pelajar pelbagai etnik. Pembelajaran kooperatif adalah kaedah yang ideal untuk menyampaikan pelajaran kepada pelajar kumpulan etnik yang berbeza untuk mengembangkan hubungan antara kumpulan tersebut. Dengan kaedah ini, kerjasama antara pelajar adalah ditekankan melalui ganjaran bilik darjah dan tugas dan pendidik cuba berkomunikasi dalam bentuk "all for one; one for all". Kumpulan belajar pelajar tersebut distrukturkan supaya setiap pelajar berpeluang memberikan sumbangan yang besar dan bermakna kepada kumpulannya (Allport, 1954, cited Slavin, 1990).

Pembelajaran kooperatif juga menyediakan peluang untuk membina hubungan interpersonal yang bersungguh-sungguh antara pelajar berbilang bangsa atau etnik. Apabila pendidik menugaskan pelajar berbeza kumpulan etnik bekerjasama, ianya adalah jelas membantu interaksi antara etnik. Kaedah pembelajaran kooperatif telah memenuhi syarat yang digariskan oleh kenyataan sains sosial oleh Allport yang mempunyai kesan positif menghapuskan pengasingan kaum.

Pelajar-pelajar yang mengamalkan pembelajaran kooperatif juga akan lebih menyukai rakan sebilik darjah dan merasa mereka disukai oleh rakan sebilik darjah. Oleh kerana kaedah pembelajaran kooperatif adalah intervensi tingkahlaku sosial, ia sepatutnya menghasilkan kesan-kesan sosial. Kriteria hubungan kumpulan yang telah digariskan oleh Allport (1954) adalah sama seperti yang diterima sebelum pembentukan setiakawan (Loot dan Lott, 1965) iaitu pembelajaran kooperatif meningkatkan hubungan antara pelajar; memberi mereka asas kerja yang boleh dikongsi ke arah matlamat bersama. Dengan demikian jelas terbukti bahawa ianya boleh meningkatkan kesan positif di kalangan pelajar.

Hasil psikologi yang paling penting dalam kaedah pembelajaran kooperatif ialah kesannya ke atas semangat sendiri pelajar. Pelajar percaya diri mereka adalah berharga dan penting, berkeyakinan sebagai pembuat keputusan dan akhirnya gembira dan produktif. Pada asasnya adalah mustahil pengalaman pembelajaran kooperatif dalam kelas yang biasa beberapa minggu akan terus mengubah semangat sendiri pelajar dengan cepat. Sebaliknya kaedah pembelajaran kooperatif telah memberi kesan kepada dua komponen terpenting semangat sendiri pelajar iaitu merasakan mereka digemari oleh rakan sebaya dan merasakan mereka adalah baik dari segi akademik. Pelajar biasanya dianggap sebagai kawan oleh ramai rakan sekelas dan mereka merasa lebih berjaya dalam kerja-kerja akademik mereka.

Beberapa kajian menilai elemen semangat sendiri seperti oleh Johnson Johnson dan Scott (1978) mendapati pelajar yang bekerja di dalam kumpulan adalah lebih berkemungkinan melakukan aktiviti-aktiviti pembelajaran dengan baik berbanding dengan pelajar yang diajar secara individu. Johnson dan Johnson (1983) juga mendapati bahawa kerjasama pelajar dan semangat sendiri mereka meningkat berbanding pelajar yang bersaing.

Oleh itu, kaedah pembelajaran kooperatif yang dilakukan secara berterusan dalam jangka masa panjang

sebagai kaedah prinsip pengajaran tulen mampu menghasilkan perubahan semangat sendiri pelajar yang berkekalan.

Pembelajaran kooperatif juga dapat membentuk locus kawalan dalaman pelajar. Bilik darjah di mana pelajar percaya bahawa kejayaan akademik mereka bergantung ke atas usaha mereka telah menunjukkan dalam banyak hal personaliti berubah sejajar dengan kemajuan akademik mereka. Teori Attribusi (Weiner 1979) meramalkan bahawa jika seseorang individu merasakan kejayaan atau kegagalan mereka adalah disebabkan oleh ciri-ciri mereka yang tidak boleh di ubah atau persekitaran yang mempunyai kurang motivasi, maka pencapaian mereka adalah kurang berbanding dengan pelajar-pelajar yang merasakan kejayaan atau kegagalan adalah kerana usaha-usaha mereka sendiri. Dalam kata lain, pelajar yang mempunyai locus kawalan dalaman lebih cenderung untuk memperolehi pencapaian yang lebih baik berbanding pelajar yang mempunyai locus kawalan luaran.

Jelaslah kaedah pembelajaran kooperatif cenderung meningkatkan kejayaan sebenar pelajar dan kemungkinan individu yang mengalami kejayaan adalah lebih berbanding dengan mereka yang tidak percaya bahawa usaha mereka menjadikan kejayaan berbeza. (Weiner dan Kukla, 1970). Terdapat bukti-bukti bahawa kaedah pembelajaran kooperatif menjadikan pelajar merasakan mereka berpeluang untuk berjaya, di mana usaha-usaha mereka akan membawa kejayaan dan kejayaan itu adalah matlamat yang amat bernilai. Tambahan pula didalam kaedah 'Student Team Learning' penggunaan sistem usaha berpeluang mendapat mata yang sama tanpa mengambilkira kebolehan, sepatutnya menghasilkan persepsi bahawa hasil kejayaan adalah bergantung kepada usaha-usaha akademik.

Perasaan-perasaan ini amat penting pada pelajar dan ianya adalah alat yang perlu ada di dalam pencapaian tinggi di dalam kebanyakan teori jangkaan (Du Lette, 1979; Kukla, 1972) dan Teori Attribusi (Weiner 1979).

Pembelajaran kooperatif juga berupaya menyemai nilai-nilai akademik yang positif di kalangan rakan sebaya. Salah satu prinsip terpenting teori motivasi ialah matlamat kooperatif mencipta atau menyemai nilai akademik di kalangan rakan sebaya yang mengarah kepada pencapaian tinggi. Pada dasarnya, hujah insentif kooperatif yang memotivasikan pelajar ialah apabila mereka cuba mendapatkan tugas akademik untuk dikongsi di antara satu sama lain. Mereka merasakan bahawa rakan sebilik darjah mahukan mereka melakukan yang terbaik. Perhubungan kemanusiaan di bawah suasana kooperatif ini menyebabkan pelajar berusaha untuk mencapai pencapaian tinggi disamping merasa lebih berkewajipan kepada rakan kumpulan mereka. Ini menunjukkan di dalam kumpulan kooperatif, pelajar mahukan pencapaian tinggi kerana rakan sekumpulan mereka mahu mereka melakukan sedemikian.

Dengan mempraktikkan pembelajaran kooperatif, laluan akademik terbuka kepada pelajar istimewa. Dalam tahun-tahun 1940an dan 1950an, para pendidik telah mengujudkan program istimewa yang menekankan penyediaan pendidikan sebaik mungkin kepada kanak-kanak yang menghadapi masalah pembelajaran berkaitan dengan perkembangan. Melalui program ini kanak-kanak tersebut dipindahkan daripada bilik darjah biasa kerana mereka sering diasingkan atau tidak diterima di dalam kelas ekoran daripada ketidakcekapan akademik mereka. Pengalaman ini memburukkan perkembangan sosial dan konsep sendiri mereka. (Johnson, 1950; Shattuck, 1964, dipetik dari Slavin, 1990).

Bagi kes hubungan antara kumpulan ini, pembelajaran kooperatif adalah penyelesaian yang boleh digunakan. Terdapat alasan yang kukuh untuk mempercayai bahawa struktur bilik darjah tradisional menyumbang kepada pernyataan kesan negatif kepada pelajar yang berprestasi rendah. Pelajar di dalam kebanyakan bilik darjah bersaing untuk mendapatkan gred yang baik dan ganjaran lain (Johnson & Johnson, 1974; Slavin, 1977). Hanya sebahagian kecil yang akan menerima gred A. Pelajar istimewa yang kurang baik dari segi akademik tidak dapat tidak akhirnya akan kecewa. Jika bilik darjah diubah dengan menekankan kerjasama berbanding bersaing, pelajar ini boleh memberikan sumbangan bermakna kepada kejayaan kumpulan kooperatif. Kajian keatas pembelajaran kooperatif dan hubungan antara pelajar yang rendah pencapaian akademik dan pelajar yang menunjukkan kemajuan yang normal, biasanya menunjukkan bahawa pembelajaran kooperatif mampu mengatasi halangan untuk berkawan dan berinteraksi antara pelajar, kebaikan-kebaikan lain dan pencapaian dipertingkatkan untuk semua pelajar di dalam bilik darjah.

Disamping kelebihan-kelebihan di atas, pembelajaran kooperatif juga membantu di dalam usaha pendidik mengesan kelemahan pelajar di peringkat awal dan mengujudkan sistem mentor di kalangan pelajar. Pelajar juga akan bersedia berkongsi bahan pelajaran dan peralatan sesama mereka kerana mereka faham bahawa kejayaan dapat diperolehi secara bersama.

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulannya, pembelajaran kooperatif ini amat menarik untuk digunakan di dalam bilik darjah. Pembelajaran kooperatif dapat menangani masalah yang berkaitan dengan pembelajaran dan ia dapat menjadikan pembelajaran itu lebih bermakna. Ini dapat mengelakkan pelajar lemah daripada menjadi mangsa keadaan seperti yang berlaku di dalam pengajaran tradisional (Cleaff, 1988). Tambahan pula pendekatan secara tradisional kurang memberi peluang kepada pelajar untuk bertanya, berbincang dan menyuarakan pendapat mereka. Harste dan Short, 1988 (dipetik dari Tang, 2001) juga berpendapat sekiranya pelajar berpeluang untuk bersuara dan yakin ada pihak yang akan mendengar pendapat mereka, ia akan membentuk persekitaran pembelajaran yang berkesan. Selain daripada itu, motivasi pelajar juga akan meningkat semasa berlaku perbincangan di dalam kumpulan. Ringkasnya, pembelajaran kooperatif boleh digunakan untuk menyampaikan isi kandungan spesifik, ia membolehkan pemprosesan maklumat secara kognitif dengan aktif serta dapat membekalkan sokongan kemajuan akademik jangka panjang (Johnson dll 1990).

Rujukan

- Brigeman, D. The influence of cooperative interdependent learning on role taking and moral reasoning: A theoretical and empirical field study with fifth grade students. Doctoral dissertation. University of California. Santa Cruz. 1977.
- Brookover, W. Beady. C., Flood. P., Schehzer, J., and Wisenbaker J. School social systems and student achievement. New York. 1979.
- Hill, Susan and Hill, Tim. Bilik Darjah Semuafakat. Terjemahan oleh Saliah Abd Aziz, Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad. Kuala Lumpur. 1997.
- Johnson Roger T., Johnson David W. and Stanne Mary Beth. Cooperative Learning Methods : A Meta Analysis. Education Research Consumer Guide. 2000.
- Mugny, B. and Doise, W. Socio-cognitive conflict and structuration of individual and collective performances. European Journal of Social psychology. p.p., 8, 181 – 192. 1978.
- Scranton, T. and Ryckman, D. Sociometric status of learning disabled children in an intergration program. Journal of learning disabilities. 12. p.p. 402-407. 1979.
- Sharan, S., Hertz-Lazarowitz, and Ackerman, Z. Academic achievement of elementary school children in small group vs. whole class instruction. Journal of Experimental Education, 48, p.p. 125- 129. 1980.
- Slavin, R. E. Cooperative Learning-Theory, Research and Practice. Centre for Research on Elementary and middle schools. The Johns Hopkins University. Allyn and Bacon, Boston. 1990.
- Slavin, R. E. Cooperative Learning. New York : Longman. 1983.
- Stahl, Robert J. The Essential Elements of Cooperative Learning in Classroom. ERIC Digest. 1994.
- Tang Swee Mei dan Lim Kong Teong. Pembelajaran Kooperatif: Dari Konsep kepada Pelaksanaan. Prosiding Seminar : International Seminar on Learning and Motivation: Insights from Multiple Perspectives. 8-10 Oktober. Pulau Pinang. 2001.
- Weiner, B. A theory of motivation for some classroom experiences. Journal of Educational psychology. 71. pp 3-25. 1979.
- Weiner, B. and Kukla. A. An attributional analysis of achievement motivation. Journal of Personality and Social Psychology. 7. pp 301-311. 1979.